



19 MAR, 2024

Kastam rampas lebih 10kg syabu, kayu balak

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2



MOHD Nasir (tengah)
menunjukkan rampasan
syabu itu.

KANAN: Rampasan
kayu balak yang dipercayai
hendak dieksport ke India.



Kastam rampas lebih 10kg syabu, kayu balak

Lagatah Toyo

TAWAU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah menggagalkan cubaan mengedar dadah menggunakan kurier dengan merampas 10.79 kilogram dadah jenis syabu bernilai RM356,070 di sebuah premis di Jalan Bakau di sini, 9 Mac lepas.

Penolong Pengarah Kastam Zon Sabah Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, serbuan di premis kurier itu pada 12 tengah hari dibuat susulan maklumat diterima.

Beliau berkata, pasukan menemukan satu kotak mengandungi 10 bungkusan dadah yang hanya meletakkan alamat penerima untuk tujuan “kutipan sendiri”.

“Setiap (bungkusan) dadah itu disembunyikan dalam bungkusan makanan dan diletakkan di dalam kotak yang dilabel sebagai peralatan memancing.

“Hasil pemeriksaan ke atas kotak itu mendapati sejumlah 10 bungkusan plastik bertulis ‘168 Freeso-Dried Durien’ yang mengandungi hablur jernih disyaki syabu,” katanya dalam sidang media, di sini, Isnin.

Menurut beliau, modus operandi

penyeludup adalah membawa dadah itu menggunakan perkhidmatan kurier melalui jalan darat dari Kota Kinabalu ke Tawau.

Menurutnya, pengurus syarikat kurier tersebut sudah dipanggil bagi membantu siasatan kes yang dijalankan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Mengulas lanjut, Mohd Nasir berkata, berdasarkan jumlah berat dadah itu, rampasan berkenaan boleh membekalkan lebih 50,000 penagih.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya turut mengesan taktik sebuah syarikat kayu papan di sini yang cuba mengeksport 101 batang kayu balak tanaman jati menggunakan kontena dengan permit tidak betul tujuan ke India.

Mohd Nasir berkata kontena berkenaan dirampas pihak kastam bersama Jabatan Perhutanan Sabah di Pelabuhan Tawau pada 5.45 petang 23 Feb lepas.

“Pada awalnya maklumat imej imbasan mesin pengimbas kargo di Pelabuhan Tawau menemukan imej yang

meragukan pada dua daripada tiga kontena untuk dieksport, kerana kandungan kontena tu tidak seperti diikrar kepada pihak Kastam melalui Borang Kastam 2 dan lesen eksport yang dilampirkan syarikat berkenaan,” katanya.

Beliau berkata hasil pemeriksaan fizikal mendapati dua kontena itu berisi 101 batang kayu balak tanaman jati tidak menepati permit, serta satu kontena berisi 1,514 batang kayu terubah jenis kayu tanaman jati, bernilai keseluruhan RM80,322.23 dengan duti eksport bernilai RM7,129.36.

Tiga kontena dan kayu balak itu diserahkan kepada Cawangan Penguatkuasaan Kastam Tawau untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967.

Dalam pada itu, beliau menggesa orang ramai agar membantu pihaknya memerangi jenayah penyeludupan rokok, minuman keras, dadah dan lain-lain dengan menyalurkan maklumat berkaitan menerusi Talian Bebas Tol Kastam 1800-88-8855 atau ke Pejabat Kastam terdekat.



19 MAR, 2024

Kastam rampas lebih 10kg syabu, kayu balak

Harian Ekspres (KK), Malaysia



SUMMARIES

MOHD Nasir (tengah) menunjukkan rampasan syabu itu.

KANAN: Rampasan kayu balak yang dipercayai hendak dieksport ke India.

lagatah toyoS TAWAU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah menggagalkan cubaan mengedar dadah menggunakan kurier dengan merampas 10.79 kilogram dadah jenis syabu bernilai RM356,070 di sebuah premis di Jalan Bakau di sini, 9 Mac lepas. Penolong Pengarah Kastam Zon Sabah Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, serbuan di premis kurier itu pada 12 tengah hari dibuat susulan maklumat diterima.